



Mohammad Hafizuddin dibawa ke Mahkamah Majistret Port Dickson, semalam.
(Foto Mohd Khidir Zakaria/BH)

Lelaki dituduh edar dadah RM7.2 juta

Port Dickson: Seorang lelaki yang dihadapkan ke Mahkamah Majistret, semalam, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan mengedar dadah di Teluk Kemang bernilai RM7.2 juta.

Tertuduh, Mohammad Hafizuddin Mohammad, 27, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret, Siti Huzaifah Abdul Talib.

Siti Huzaifah kemudian menetapkan sebutan semula kes pada 28 Julai depan dan tertuduh tidak ditawarkan sebarang ikat jamin.

Kes disiasat mengikut Sek 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa raya, Hafizah Zainul Hashimi.

Terdahulu, media melaporkan polis dengan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) berjaya menumpaskan sindiket penyeludupan dan

pengedaran dadah bernilai RM7.2 juta menggunakan jalan laut.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Datuk Ramli Din berkata, ia susulan tangkapan tujuh ahli sindiket dalam empat serbuan dilakukan di sekitar Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor pada 9 Mei hingga 14 Mei lalu.

"Semua suspek adalah lelaki berusia antara 24 hingga 44 tahun dan tiga daripadanya warganegara Indonesia.

Tangkapan suspek membawa penemuan 112.7 kilogram pelbagai jenis dadah di kawasan semak di tepi pantai Teluk Kemang, yang dibungkus menggunakan bungkusan serbuk teh.

Siasatan awal mendapati dadah berkenaan dipercayai untuk diseludup ke negara jiran kerana harga jualan di sana tiga kali ganda lebih tinggi berbanding di Malaysia.